

**PERATURAN PENGINAPAN ASRAMA**

**A) PENEMPATAN PELAJAR**

1. Pelajar hanya dibenarkan menginap di bilik yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama sahaja.
2. Pelajar tidak dibenarkan berpindah ke bilik lain tanpa kebenaran.
3. Pelajar hendaklah mengisi Borang Penerimaan Alatan (BPA) selepas memeriksa dan mengesahkan keadaan alatan yang diterima.
4. Pelajar dikehendaki menandatangani BPA dan diserahkan kepada pihak pengurusan asrama.
5. Bayaran ganti rugi akan dikenakan jika terdapat sebarang kerosakan alatan yang dipinjamkan.
6. Pihak ibu bapa tidak dibenarkan memasuki kawasan asrama semasa menghantar/mengambil anak/ pelajar kecuali mendapat kebenaran.

**B) KEBERSIHAN BILIK**

1. Bilik mestilah dalam keadaan sentiasa bersih, kemas dan teratur.
2. Kad Identiti Pelajar mesti ditampalkan pada penjuru atas kiri loker, katil, kerusi dan meja.
3. Buku dan alatan hendaklah disusun dengan kemas.
4. Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
5. Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan/ minuman dan peralatan yang disediakan di dewan selera masuk ke bilik/asrama.
6. Dilarang mencongak atau menampal sebarang gambar atau poster pada bahagian dinding bilik.
7. Hanya cadar, sarung bantal dan selimut maktab sahaja dibenarkan.
8. Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
9. Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan di simpan di dalam loker.
10. Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampian yang disediakan.
11. Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan di dalam stor / tempat yang ditentukan.
12. Dilarang meletakkan sebarang alatan/ barangan di bahagian lingkup bilik.
13. Kasu/ selipar hendaklah diletakkan dan disusun pada rak yang disediakan.
14. Ampian pakaian mesti dikosongkan sebelum jam 7:00 malam setiap hari.
15. Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas bermula.

**C) PERATURAN-PERATURAN AM**

1. Semua pelajar hendaklah mengosongkan asrama apabila diarahkan oleh pihak pengurusan maktab.
2. Semua pelajar hendaklah berada di tempat perhimpunan pada jam 7:15 pagi pada hari persekolahan.
3. Pelajar dilarang pulang ke asrama pada waktu akademik.
4. Pelajar dilarang membawa / menyimpan wang yang banyak atau barangan berharga di asrama.
5. Pelajar ditegah daripada memanjat atau memecah atau memasuki bahagian syiling/ langkit/ bilik air / bilik pelajar lain di asrama.
6. Bilik mestilah bersih dan kemas sebelum meninggalkan asrama.
7. Susunan alatan seperti katil, tilam, almari, kerusi, dan lain-lain tidak boleh di ubah tanpa kebenaran.
8. Semua pakaian pelajar hendaklah ditanda dengan nama.
9. Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama. Semua pelajar wajib terlibat dengan aktiviti gotong-royong yang diadakan di asrama.
10. Pelajar hendaklah sentiasa menghormati warden, pekerja atau kakitangan asrama.
11. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama.
12. Alatan berbahaya seperti peralatan elektrik seperti cerek, alatan gym, alatan yang tajam, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki/ disimpan/ diguna di asrama.
13. Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik ditutup sebelum meninggalkan asrama.
14. Pelajar yang disahkan sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik.
15. Pelajar hendaklah mengelakkan daripada amalan membazir air dan elektrik.
16. Pelajar ditegah membawa masuk alatan/perkakasan elektrik yang tidak dibenarkan ke asrama seperti seterika, pemanas air, komputer riba dan lain-lain.
17. Pelajar mesti berada / tidur di asrama sebelum jam 11:00 malam sehingga jam 05:30 pagi.
18. Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur selia kali sulana bercuti.

**PERATURAN KESELAMATAN**

**A) PENGGUNAAN ELEKTRIK**

1. Penggunaan barangan elektrik tertakluk kepada barangan yang dibekalkan oleh pihak maktab sahaja.
2. Lingkaran Pemanas/ ?Water heater? dan cerek elektrik bukan automatik tidak boleh digunakan dan pihak maktab berhak merampas barangan tersebut sekiranya digunakan.
3. Sambungan elektrik secara haram tidak dibenarkan.
4. Pastikan plug ditanggal dari soket setelah digunakan.
5. Penggunaan peralatan elektrik semasa kilat adalah ditegah.
6. Menggunakan peralatan elektrik yang rosak adalah ditegah.
7. Pastikan semua suis dimatikan selepas digunakan.
8. Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja.
9. Sebarang kerosakan berkaitan elektrik perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan asrama dengan segera.
10. Pelajar ditegah daripada menghampir/ mengusik alatan/ memasuki bilik utiliti elektrik.

**B) SEMASA BERLAKU KEBAKARAN**

1. Apabila berlaku kebakaran, loceng kecemasan hendaklah dibunyikan.
2. Pelajar yang menyedari kejadian kebakaran hendaklah menghubungi pihak warden.
3. Warden hendaklah melaporkan kejadian kebakaran kepada Pengetua.
4. Semua pelajar mesti meninggalkan bangunan asrama dengan segera dan berkumpul di tempat yang selamat.
5. Semua suis lampu dan kipas mestilah dimatikan.
6. Pelajar perlu bergerak ke tempat berkumpul mengikut plan kecemasan yang ditetapkan.
7. Di tempat berkumpul, pelajar hendaklah berbaris mengikut bilik masing-masing dan ketua aras/ blok akan menyemak serta memastikan bilangan pelajar mengikut aras/ blok mencukupi.
8. Ketua aras/ blok hendaklah melaporkan bilangan pelajar di aras/ bloknya kepada warden.
9. Pelajar hanya dibenarkan bersurai apabila diarahkan.

**C) KESELAMATAN WANG**

1. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan wang tunai lebih daripada RM50.00 (RM: Lima Puluh Sahaja)
2. Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dengan agen BSN di koperasi sekolah.
3. Kad ATM mestilah disimpan di tempat yang selamat.
4. Nombor PIN hendaklah dihafal dan tidak menyimpan / mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak lain.
5. Pelajar tidak dibenarkan meminta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan menggunakan kad ATMnya.
6. Keselamatan wang tunai / kad ATM adalah tanggungjawab pelajar.
7. Kehilangan wang atau kad ATM adalah di bawah tanggungjawab pelajar.

**D) KESELAMATAN AM**

1. Penggunaan ubat nyamuk lingkur, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
2. Pelajar hendaklah mengetahui cara menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
3. Jika berlaku kecemasan, pelajar hendaklah menghubungi pihak warden / ketua warden atau pengawal keselamatan dengan segera.
4. Peli pertolongan cemas boleh didapati daripada pihak warden / pejabat warden atau balai pengawal keselamatan.

**PERATURAN PENGGUNAAN FASILITI**

**A) BILIK SAKIT**

1. Pelajar yang mendapat daripada pihak maktab sahaja dibenarkan berada di bilik sakit.
2. Kebersihan dan kekemasan bilik sakit hendaklah sentiasa dijaga.
3. Pelajar dikehendaki mengisi maklumat diri di dalam Buku Daftar Sakit ketika mendaftar masuk dan keluar.
4. Pelajar hendaklah melaporkan diri kepada Biro Putera dan Biro Puteri.
5. Pelajar yang tidak berkaitan dilarang memasuki bilik sakit.

**B) PENGGUNAAN TELEFON**

1. Telefon bimbit dibenarkan dengan syarat :
  - a. Telefon asas tanpa kamera dan tanpa kad memori sahaja dibenarkan.
  - b. Berdaftar dengan unit warden.
  - c. Digunakan selepas waktu akademik dan acara rasmi sahaja.

**C) SURAU**

1. Semua pelajar Islam wajib solat fardu di surau.
2. Pelajar Islam diwajibkan mengikuti aktiviti keagamaan yang diadakan di surau.
3. Kebersihan surau adalah menjadi tanggungjawab semua pelajar yang menggunakannya.
4. Surau hendaklah digunakan untuk solat, aktiviti keagamaan atau aktiviti ilmu sahaja.
5. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dan menepati peraturan pemakaian yang ditetapkan untuk ke surau.
6. Penggunaan peralatan surau adalah menjadi tanggungjawab Biro Pusat Islam Asrama.
7. Suis, P.A sistem, lampu dan kipas hendaklah dimatikan selepas selesai aktiviti di surau.
8. Pintu, lingkup dan pili air hendaklah ditutup selepas digunakan.

**D) DEWAN SELERA**

1. Pelajar hendaklah mematuhi waktu makan di Dewan Selera sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama/ maktab.
2. Pelajar tidak dibenarkan terus ke Dewan Selera selepas waktu riadah.
3. Pelajar hendaklah sentiasa beratur dan dilarang memotong berisai semasa mengambil makanan.
4. Kebersihan Dewan Selera adalah tanggungjawab bersama.
5. Sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
6. Pelajar dilarang menyuruh rakan mengambil makanan bagi pihaknya.
7. Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
8. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga adab/ tata tertib semasa makan.
9. Pakaian semasa di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pakaian Dewan Selera.
10. Pelajar dilarang membawa keluar makanan dan peralatan dari Dewan Selera.
11. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kaunter agihan makanan.
12. Pelajar yang ingin meminjam/ menggunakan peralatan Dewan Selera mesti mendapat kebenaran Penolong Pengetua HEP.
13. Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam Jadual Haris/ Minggu Kehidupan Di Asrama.

**E) TANDAS/ BILIK MANDI/ BILIK BASUH**

1. Pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan tandas/bilik mandi/ bilik basuh.
2. Pelajar dilarang membuang sampah ke dalam mangkuk tandas/ sirongi.
3. Pakaian, tuala dan barang peribadi tidak dibenarkan ditinggalkan di dalam tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
4. Tuala wanita/ "sanitary pad" hendaklah dibuang di tempat yang dikhaskan.
5. Pili air dan suis lampu hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
6. Pelajar tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam sirongi.
7. Pelajar hendaklah menyediakan jadual tugas membersihkan tandas/bilik mandi/ bilik basuh.
8. Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak maktab.
9. Jadual membersihkan tandas oleh pelajar hendaklah ditampal di dinding luar bilik air.